

## ***SENTRAL***

HUBUNGI SQUAD SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MAHAN - 019-6680275, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HABIM - 019-6680261 (2)

# ***Perkuat sistem pendidikan***

***Universiti perlu telus, utamakan integriti dan akauntabiliti***

KUANTAN

**S**etiap universiti perlu mengutamakan aspek ketelusan urus tadbir berpaksikan integriti, akauntabiliti dan etika yang tidak boleh dikompromi oleh kepimpinan universiti.

Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitik, hal ini seiring aspirasi Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang bersendikan budaya kegembiraan, kebahagiaan, kasih sayang, kemanusiaan dan hormat-menghormati.

Turut hadir, Pengurus Lemba Pengarah UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad dan Naib Canselor UMP, Datuk Seri Prof Dr Daing Nasir Ibrahim.

Dalam pada itu, jaringan strategik dan profesional juga penting dalam konteks pen-

perlu diterapkan dalam projek kemasyarakatan universiti sama ada di dalam atau di luar negara.

"Bagi menyediakan mahasiswa sebagai pewaris tamadun negara, amat penting untuk mereka dididik dengan kerangka sosial yang disersetujui bersama dalam pembentukan negara ini. Ini termasuk kedudukan agama Islam, hak istimewa Melayu dan kedudukan Raja-raja yang ditabalkan," titah baginda pada Majlis Konvokesyen

**Universiti Malaysia PAhang (UMP) Ke-13**, di Gambang, semalam.



Tengku Abdullah berkenan bertemu penerima ijazah selepas majlis konvokesyen, semalam.

jenamaan, pemajuan mahasiswa, pengembangan penyelidikan serta pengimaranan ekosistem wakaf dan endowmen di universiti.

Baginda yang juga Cansestor UMP berharap kepimpinan universiti itu memberi perhatian khusus kepada inisiatif Industry Network Alum-

ni Platform atau Inap sebagai medium interaksi strategik alumni secara intra-cluster dan inter-cluster demi memanfaatkan kerjaya dan pembangunan di universiti berkenaan.

"Ia juga merupakan satu cabaran kepada graduan untuk mula memikirkan sumbangan balas kepada UMP

yang menjadi semaihan subur kejayaan mereka kini," titah baginda.

Tengku Abdulllah mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan (Elektronik) kepada bekas Pengarah Urusan Motorola Solutions Sdn. Bhd, Dr Hari Narayanan P Ondiveeran sebagai tanda penghargaan dan pengiktira-

fan terhadap ketokohan, kewibawaan dan kepimpinan beliau yang kini menyandang Pengurus Lembaga Gabenor Universiti Sains Malaysia.

Pada konvokesyen kali ini, UMP pertama kaliinya memperkenalkan e-Book Konvokesyen sebagai amalan hijau dan seiring dengan penggunaan teknologi, ibu bapa, graduan, pelajar dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat pantas berkaitan majlis konvokesyen dalam e-Book menggunakan aplikasi UMP Convocation dengan capaian Android (versi 4.0 ke atas) dan iOS (versi 8.0 ke atas).

Seramai 28 penerima anugerah dan hadiah kecemerlangan universiti atas pencapaian akademik, sumbangan khidmat membabitkan komuniti serta kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Budaya murni tersebut